

**dakwah**

*Jendela pemikiran ummah*

SABAH,  
BANGSAMORO  
PEWARIS  
KEDAULATAN  
SULTAN SULU

HENTIKAN  
PENGHINAAN  
**TERHADAP**  
ISLAM

PROPAGANDA &  
"PERANG PALSU"  
**ATAS ALASAN**  
**KEMANUSIAAN**

**BERITA**  
**PENGARUH**  
**MEDIA**  
TERHADAP PEMIKIRAN  
& JIWA UMAT ISLAM

BANGSA  
**MELAYU**  
MEMIMPIN  
DUNIA ISLAM?

RM 6.90  
SBH/  
SWK 8.90  
JAMADILAKHIR /  
REJAB 1434 H

ISSN 0126-5936  
9770126593007

isul18MEL/UN13

# ILMU PERBANDINGAN AGAMA: SEJARAH & KEPERLUANNYA DALAM KONTEKS SEMASA

OLEH HASLINA IBRAHIM

ILMU Perbandingan Agama sebagai suatu disiplin khusus secara teknikalnya berkembang pada kurun ke-6 hijrah/ke-11 Masihi dengan munculnya karya berjudul *Kitab al-Milal wa al-Nihal* yang dikarang oleh al-Shahrastani (547 H/1086 M). Kitab ini merupakan sebuah ensiklopedia yang menerangkan tentang agama, sistem kepercayaan dan ajaran-ajaran yang wujud pada waktu itu. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bawaha sebelum kurun ke-6 hijrah, para ilmuwan Islam tidak pernah mengadakan pengkajian terhadap agama selain daripada Islam.

DR. HASLINA  
IBRAHIM ialah  
Pensyarah di  
Jabatan  
Usuluddin dan  
Perbandingan  
Agama,  
Universiti Islam  
Antarabangsa  
Malaysia


**A**PA yang sebenarnya berlaku ialah pengkajian terhadap agama-agama lain ini dipelopori oleh ulama teologi yang sebahagian besarnya terdiri daripada ulama ahli kalam. Tema perbincangan tentang agama lain merangkumi isu-isu berkaitan tuhan (*ontology*), kerasulan (*prophecy*), perbuatan manusia dan perbuatan tuhan (*the action of god and the action of man*), penyelewengan terhadap wahyu (*distortion of revelation*), tentang penciptaan, kesudahan alam dan kehidupan (*cosmology and eschatology*). Namun pendekatan yang digunakan lazimnya bersifat apologetik dan defensif terhadap Islam serta cenderung untuk menolak dan membatakan doktrin dan kepercayaan agama lain (*refutational*).

Penggunaan istilah '*al-milal wa al-nihal*' bermaksud agama dan kepercayaan, menurut Ismail Raji al-Faruqi merupakan istilah yang mula-mula diguna-pakai oleh ilmuwan Muslim yang mengkaji agama selain daripada Islam. Secara teknikalnya, istilah Perbandingan

Agama merupakan terjemahan langsung bagi istilah *Religionswissenschaft* yang diterjemahkan sebagai *Comparative Religion* di dalam Bahasa Inggeris.

Istilah ini diperkenalkan oleh seorang ilmuwan berasal dari Jerman, Friendrich Max Muller (1823-1900) dalam mempromosi apa yang dianggapnya sebagai pendekatan saintifik dan empirikal dalam pengkajian agama (*study of religion*). Dari segi sejarahnya, Ahmad Shalaby merupakan ilmuwan Muslim yang pertama sekali menggunakan istilah *Muqaranah al-Adyan* (yang merupakan terjemahannya langsung bagi Perbandingan Agama) di dalam karya beliau yang diterbitkan pada akhir abad ke-20.

Pendekatan saintifik dan empirikal yang diterajui oleh Muller di Barat kemudiannya melalui fasa-fasa perkembangan yang kompleks, yang menyebabkan disiplin Perbandingan Agama berevolusi dan tinggal menjadi hanya satu cabang yang khusus dalam bidang pengkajian agama. Pelbagai



pendekatan lain telah diperkenalkan bagi memahami agama meliputi pendekatan sejarah (*historical*), sosiologi (*sociological*), antropologi (*anthropological*), psikologi (*psychological*) dan fenomenologi (*phenomenological*). Perbezaan pendekatan ini berpunca daripada perubahan persepsi umum Barat terhadap agama. Pengkajian terhadap agama dalam konteks teologi yang sarat dengan doktrin dan dogma tidak lagi mendapat perhatian.

Sebaliknya, pengkajian terhadap agama tertumpu kepada hubungan relatif agama dengan alam dan manusia. Dalam erti kata lain, pengkajian agama tertumpu kepada dimensi yang sekular yang dianggap saintifik, iaitu dimensi sejarah, perkembangan dan peranan agama serta pengaruhnya kepada manusia. Justeru itu, agama hanya difahami dalam konteks pengaruhnya, tradisi dan pengamalananya yang merupakan interpretasi manusia berdasarkan pengalaman mereka semata-mata. (*human interpretation based on human experience*).

Sungguhpun perkembangan ini agak tersasar daripada tujuan asal pendekatan Muller, kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa bidang pengkajian agama yang sekular sifatnya sangat berkembang di Barat. Sehingga ke hari ini terdapat banyak kursus, program, seminar, persidangan, penulisan dan kajian ilmiah berkaitan agama yang diterokai oleh institusi pengajian tinggi di Amerika Utara dan di Eropah. Sebaliknya, kajian terhadap agama selain daripada Islam tidak mendapat perhatian di kalangan ilmuwan Muslim khususnya sehingga ke akhir abad ke-19. Ini ada kaitan langsung dengan kejatuhan politik pemerintahan dan kemunduran keilmuan umat Islam.

Walau bagaimanapun, ilmuwan seperti Muhammad Abu Zahrah dan Ismail Raji al-Faruqi dapat dikategorikan sebagai ulama

kontemporari yang menyumbang kepada perkembangan ilmu Perbandingan Agama berdasarkan kajian perbandingan di antara Islam dengan agama-agama lain yang dilakukan oleh mereka, khususnya agama Kristian dan agama Yahudi.

Seorang sarjana Barat, Jacques Waardenburg, mendakwa bahawa punca utama kurangnya minat di kalangan ilmuwan Muslim untuk mengkaji agama lain adalah disebabkan kepercayaan umat Islam bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang

kepercayaan lain: iman dan aqidah, kitab dan dokumen agama, ibadat dan undang-undang, sistem, cara hidup serta aliran-aliran agama, serta sejarah dan kisah para nabi.

Berdasarkan tema-tema yang disebut di atas, para ilmuwan Muslim yang terdahulu mendapat inspirasi bagi memperkembangkan skop pengkajian mereka terhadap agama-agama lain. Bahkan al-Quran juga memberikan garis panduan dalam melakukan kajian perbandingan di mana pengkaji perlu bersikap objektif dan adil serta menggunakan hikmah dan kebijaksanaan dalam interaksinya dengan agama-agama lain.


**Ilmu Perbandingan**  
Agama bukanlah suatu ilmu yang sengaja diada-adakan. Para ilmuwan Muslim, khususnya ulama teologi seperti al-Ash'ari, al-Juwaini, Ibn Taymiyyah, al-Ghazali, Ibn Hazm telah memperkembangkan cabang ilmu ini lebih awal berbanding Barat (*school of religionswissenschaft*).

Selain daripada al-Shahrastani, al-Biruni merupakan ilmuwan Muslim pertama yang mempelopori kaedah empirikal di dalam mengkaji kitab dan agama Hindu. Malahan, kelebihan para ilmuwan Muslim berbanding sarjana Barat ialah dalam menggunakan wahyu seiring dengan akal sebagai sumber pengambilan ilmu dan bukan memisahkan antara keduanya.

Ini adalah kerana, keperluan untuk mengkaji agama selain daripada Islam sesungguhnya dicetuskan oleh al-Quran itu sendiri yang menjadi asas kepada ilmu Perbandingan Agama sebagai salah satu disiplin di dalam tradisi keilmuan Islam.

Al-Quran secara khususnya menyentuh tema-tema yang berikut apabila membandingkan Islam dengan agama manapun

Dalam konteks sejarah pula, umat Islam seharusnya menyedari bahawa Islam tidak lahir secara eksklusif dan menafikan realiti kewujudan agama-agama lain. Benar, terdapat pertembungan antara agama Islam dan agama-agama lain samada dari segi kehadiran Islam itu sendiri (*co-existence of Islam with other religions*) maupun dari segi kesahihan ajaran Islam sebagai suatu cara hidup (*Islam as the way of*



KITAB AL-FASL FI AL-MILAL  
WA-AL-AHWA' WA-AL-NIHAL

'ALI IBN AHMAD IBN HAZM, SHAHRASTANI,  
MUHAMMAD IBN ABD AL-KARIM, 1086?-1153,  
MILAL WA-AL-NIHAL'



Bagaimanapun, pertembungan inilah yang menjadikan tanggungjawab melakukan kajian perbandingan Islam dengan agama lain lebih diperlukan kerana melaluianya kebenaran Islam dapat diperjelas.

Islam juga perlu diterangkan kerana ia adalah sebuah agama yang mendukung prinsip-prinsip kesejagatan (*universal principles*) seperti keselamatan dan kesejahteraan sejagat (*universal peace and harmony*), falsafah akhlak dan moraliti (*ethics and morality*), dan falsafah kerohanian (*spirituality*). Prinsip-prinsip ini sememangnya ada di dalam agama-agama lain sehingga muncul aliran pemikiran pluralis agama yang menyama-ratakan agama berikutnya pertindanan prinsip-prinsip sejagat ini.

Namun di sinilah letaknya cabaran kepada ilmuwan Muslim pada hari ini, iaitu bagaimana kita mahu memperakui idea-idea sejagat tersebut dan dalam masa yang sama meletakkan paksi yang betul. Ini menuntut kepada kajian perbandingan agama bagi memahami dan mengenal pasti sejauh mana kebenaran dakwaan agama lain terhadap prinsip-

prinsip universal tersebut. Seterusnya, kajian perbandingan perlu diadakan bagi menyiasat / menyelidiki adakah prinsip-prinsip tersebut mempunyai asas yang kukuh.

Bagi melakukan kajian perbandingan seumpama ini, ilmuwan Muslim perlulah mengambil pendekatan dan cara yang tepat, iaitu kajian hendaklah objektif dan tidak bersifat prejudis. Sentimen yang tidak berasas terhadap Islam dan prejudis terhadap agama lain akan mengekang pengkaji daripada mengenal pasti dan seterusnya mengkaji prinsip-prinsip *universal* yang didukung oleh agama lain. Sekiranya kekangan ini berlaku, matlamat untuk menonjolkan Islam sebagai sebuah agama yang mendukung prinsip-prinsip sejagat berlandaskan paksi yang betul tidak dapat dilakukan. Sebaliknya, prinsip-

prinsip tersebut hanya akan dilihat sebagai prinsip yang relatif dan ekslusif sifatnya kepada orang Islam dan bukan manusia seluruhnya.

Sebahagian daripada kita mungkin menganggap bahawa keperluan kepada ilmu Perbandingan Agama ini sebagai tidak mendesak (*not urgent*) dan bukan menjadi prioriti kerana banyak lagi isu dalaman (*internal and intra-religion*) yang lebih penting dan perlu ditangani. Ada juga yang beranggapan, mempelajari agama-agama lain sebagai tidak Islamik dan bukan sebahagian daripada tradisi Islam. Hal ini sebenarnya terjadi kerana umat Islam telah sedemikian lama memahami Islam dalam konteks yang eksklusif. Inilah tanggungjawab ilmuwan Muslim pada hari ini, iaitu untuk mempromosikan Islam sebagai suatu agama sejagat dan bersedia dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi tujuan tersebut.

Dalam konteks perbincangan ini, para ilmuwan Muslim dianjurkan mengadakan kajian perbandingan Islam dengan agama-agama lain bukan sebagai memenuhi keperluan dakwah semata-mata. Bahkan yang lebih murni ialah untuk kembali menonjolkan keunikan Islam sebagai agama sejagat (*the universal religion*) tanpa mengorbankan ciri-ciri khusus yang mengekalkan rupa bentuk Islam (*the form of Islam*).